

09 JUL 1998

Mahathir-Zahid

ZAHID DIBERI PENJELASAN MENGENAI ISU NEPOTISME DAN KRONISME, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 9 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata isu nepotisme dan kronisme tidak perlu dibangkitkan lagi kerana Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi telah diberi penjelasan mengenainya dan isu itu dianggap selesai.

Perdana Menteri berkata beliau telah menjelaskan kepada Zahid bahawa nepotisme dan kronisme tidak wujud di Malaysia.

Penjelasan itu dibuat dengan mengemukakan butir-butir yang berkenaan dan berpandukan kepada senarai orang-orang yang menerima saham dan sebagainya seperti yang diedarkan kepada para perwakilan pada Perhimpunan Agung Umno pada 19 hingga 21 Jun lepas, katanya pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di ibu pejabat parti di sini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata Zahid kini memahami situasi sebenar.

"Tidak ada lagi salah faham dan Datuk Zahid sendiri tidak lagi percaya bahawa wujud amalan nepotisme dan kronisme di Malaysia.

"Bahawasanya tidak ada amalan nepotisme dan kronisme di Malaysia. Yang membuat tuduhan ini ialah pihak asing dan akhbar-akhbar asing," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata pada mulanya memang ada perasaan syak wasangka di kalangan pihak Pemuda Umno "tetapi selepas kita dedahkan semua butir-butir berkenaan perkara ini, adalah jelas amalan ini tidak ada di Malaysia."

"Soal ini tidak bangkit lagi," kata Perdana Menteri.

Dalam ucapannya pada perhimpunan agung Umno baru-baru ini, Zahid mendakwa bahawa wujudnya amalan kronisme dan nepotisme di negara ini.

Ketika ditanya pemberita sama ada isu nepotisme dan kronisme tidak perlu dibangkitkan lagi oleh anggota Umno berikutan penjelasan beliau kepada Zahid, Dr Mahathir sebaliknya menyoalkan pertanyaan kepada Zahid, yang turut menghadiri persidangan berita itu.

Zahid menjawab: "Sudah selesai."

Dr Mahathir berkata beliau telah menjelaskan kepada Zahid dan anggota-anggota MT yang lain bahawa keadaan di Malaysia adalah berbeza dengan Indonesia.

Mengenai kekalahan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Parlimen Arau Sabtu lepas, Dr Mahathir berkata sikap terlalu yakin dan kempen yang agak lemah adalah antara punca kekalahan.

"Umno terlalu yakin untuk memenangi kerusi kawasan Arau berikutan kemenangan besar pada pertandingan sebelum ini. Dengan itu, kempen Umno didapati agak lemah dan PAS dapat menawan pemikiran pengundi," katanya.

Pada pilihan raya kecil itu, yang diadakan berikutan kematian anggota parlimen BN Kamaruddin Ahmad pada 25 Mei lepas, calon BN Ismail Kassim dari Umno tewas kepada calon PAS Hashim Jasin dengan majoriti 1,323 undi. Hashim memperoleh 12,864 undi manakala Ismail mendapat 11,541 undi.

Dr Mahathir berkata kekalahan itu merupakan satu peringatan kepada para anggota Umno.

"Ia adalah sesuatu yang baik, satu ingatan yang baik untuk kita... kalau tak terjadi (kekalahan), kita jadi lupa," kata beliau.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata PAS memberi tumpuan dengan menggunakan penyokong yang ramai termasuk mendapatkan sokongan daripada anggota-anggotanya di Kelantan, Kedah dan Terengganu.

Sebaliknya calon Umno, yang walaupun turut mendapat sokongan pemimpin

Umno dari tempat lain, tetapi susunan kerja tidak dijalankan dengan baik, katanya.

Ketika ditanya sama ada kemenangan PAS di Arau menandakan pengaruh parti pembangkang itu semakin besar di kawasan utara Semenanjung, Dr Mahathir berkata pertandingan itu merupakan pilihan raya kecil dan sudah pasti PAS akan berminat untuk memenangi kerusi itu.

"Bagi PAS, kemenangan itu merupakan kejayaan besar," kata beliau.

Mengenai sama ada wujud pembelot dalam Umno yang menyebabkan kekalahan calon BN, Dr Mahathir berkata: "Kita tak boleh kata dia pembelot, kita guna bahasa tak senang hati, kita akan adakan post mortem dan (Menteri Besar) Datuk Seri Shahidan (Kassim) akan buat laporan."

Beliau juga menolak dakwaan bahawa wujud perpecahan di kalangan anggota Umno di Perlis.

"Tiada perpecahan sebenarnya cuma kadang kala ada tak puas hati, saya yakin bahawa tindakan ini telah ditekan dari luar," kata beliau.

Dr Mahathir berkata Umno mengambil berat mengenai perkara itu dan akan mengambil tindakan susulan bagi memastikan PAS tidak berjaya.

Ketika ditanya sama ada kekalahan Umno disebabkan oleh calon BN, yang merupakan adik kepada Menteri Besar Perlis, Perdana Menteri berkata: "Itu secara kebetulan sahaja. Sebenarnya jika ada calon lain yang layak, kita akan kemukakan."

Sementara itu, Shahidan berkata Umno negeri sedang menyiapkan laporan post mortem mengenai kekalahan calon BN di Arau dan ia dijangka siap menjelang mesyuarat MT yang akan datang.

-- BERNAMA

ES/WNZ NAK